



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

MANFAAT BERUPA BARANGAN

KETETAPAN UMUM NO. 3/2013

TARIKH KELUARAN: 15 MAC 2013



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

MANFAAT BERUPA BARANGAN

**Ketetapan Umum No. 3/2013
Tarikh Keluaran: 15 Mac 2013**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 15 Mac 2013

Edisi pertama pada 15 Mac 2013

(Ketetapan ini menggantikan Ketetapan Umum No. 2/2004 bertarikh 8 November 2004, Tambahan kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 20 Mei 2005, Tambahan Kedua kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 17 Januari 2006, Tambahan Ketiga kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 17 April 2009, Tambahan Keempat kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 19 April 2010 dan Ketetapan Cukai Pendapatan 1997/2 bertarikh 25 Ogos 1997 yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.)

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan apa cara, termasuk fotokopi dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang hak cipta. Kebenaran bertulis daripada penerbit hendaklah diperoleh sebelum mana-mana bahagian penerbitan ini disimpan dalam sistem yang boleh diperoleh semula dalam sebarang bentuk.



MANFAAT BERUPA BARANGAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Ketetapan Umum No. 3/2013
Tarikh Keluaran: 15 Mac 2013

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Ringkasan Pindaan	1
3. Peruntukan Berkaitan	1
4. Interpretasi	1
5. Apa Itu Manfaat Berupa Barangan (MBB)	3
6. Penentuan Nilai MBB	3
7. Butiran MBB	5
- Kereta dan manfaat lain yang berkaitan dengannya	5
- Petrol diperuntukkan tanpa kereta	12
- Pemandu diperuntukkan	12
- Kelengkapan rumah, perkakas dan pelengkapan	13
- Aset-aset lain	14
8. Manfaat-Manfaat Lain	14
9. Pengecualian Cukai Ke Atas MBB Yang Diterima Oleh Pekerja	14
10. Tanggungjawab Majikan	26
11. Tanggungjawab Pekerja	26
12. Tuntutan Potongan	27

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan ini adalah untuk menerangkan -

- (a) Layanan cukai berhubung dengan manfaat berupa barangan (MBB) yang diterima oleh seseorang pekerja daripada majikannya kerana menjalankan sesuatu penggajian, dan
- (b) Kaedah penilaian MBB untuk menentukan amaun yang akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja.

2. Ringkasan Pindaan

Ketetapan ini diterbitkan adalah untuk menggabungkan Ketetapan Umum No. 2/2004 yang dikeluarkan pada 8 November 2004 dengan –

- (a) Tambahan kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 20 Mei 2005
- (b) Tambahan Kedua kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 17 Januari 2006
- (c) Tambahan Ketiga kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 17 April 2009, dan
- (d) Tambahan Keempat kepada Ketetapan Umum No.2/2004 bertarikh 19 April 2010.

3. Peruntukan Berkaitan

Peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) berhubung dengan MBB adalah -

- a) Perenggan 13(1)(b) - yang memperuntukkan bahawa MBB adalah sebahagian daripada pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja
- b) Subseksyen 32(1) - bagi menentukan amaun MBB yang akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada punca penggajian seseorang pekerja, dan
- c) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2009 - [P.U. (A) 152/2009]

4. Interpretasi

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut :

-
- 4.1 “Ahli-ahli keluarga pekerja yang terdekat” bermaksud isterinya atau isteri-isterinya dan anak-anaknya atau suami dan anak-anaknya.
- 4.2 “Anak” bermaksud anak sah atau anak tiri seorang individu atau isterinya atau seorang anak yang diambil sebagai anak angkat oleh individu atau isterinya menurut mana-mana undang-undang di mana Ketua Pengarah berpuashati tentang pengambilan anak tersebut sebagai anak angkat.
- 4.3 “Baharu” berhubung dengan kereta bermaksud kereta termasuk kereta terpakai (reconditioned) yang pertama kali didaftarkan di Malaysia.
- 4.4 “Kereta” bermaksud kenderaan selain daripada kenderaan yang dilesenkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dengan pengangkutan perdagangan barangan atau penumpang.
- 4.5 “Kos kereta” bermaksud harga sebenar kereta termasuk aksesori tetapi tidak termasuk kenaan bank, premium insurans dan cukai jalan pada masa kereta itu baharu.
- 4.6 “Kos tambang percutian” bermaksud kos tambang.
- 4.7 “Majikan” berhubung dengan sesuatu penggajian bermaksud -
- a) Tuan, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan,
 - b) Jika perhubungan di antara tuan dan orang suruhan tidak wujud, ianya adalah orang yang membayar atau bertanggungjawab untuk membayar gaji pekerja yang digajikan, walaupun orang yang membayar dan pekerja itu adalah orang yang sama tetapi bertindak dalam kapasiti yang berlainan.
- 4.8 “Pekerja” berhubung dengan sesuatu penggajian bermaksud-
- a) Orang suruhan, di mana terdapat perhubungan di antara orang suruhan dan tuan,
 - b) Jika perhubungan di antara orang suruhan dan tuan tidak wujud, ianya adalah pemegang perlantikan atau perjawatan yang menzahirkan penggajian tersebut.
- 4.9 “Penggajian” bermaksud-
- a) Penggajian, di mana terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan,

- b) Mana-mana perlantikan atau perjawatan, sama ada awam atau sebaliknya dan sama ada atau tidak terdapat perhubungan di antara tuan dan orang suruhan, yang mana saraan kena dibayar.

4.10 "Perkuisit" bermaksud manfaat yang boleh ditukarkan kepada wang yang diterima oleh pekerja bukan sahaja daripada majikannya tetapi juga daripada pihak ketiga kerana mempunyai atau menjalankan sesuatu penggajian.

5. Apa Itu MBB

5.1 Perenggan 13(1)(b) ACP 1967 memperuntukkan bahawa pendapatan kasar seseorang pekerja daripada sesuatu punca penggajian termasuk juga mana-mana amaun yang bersamaan dengan nilai MBB yang disediakan bagi pekerja tersebut oleh majikannya/bagi pihak majikannya untuk dinikmati secara peribadi oleh pekerja tersebut.

5.2 MBB adalah manfaat yang tidak boleh ditukar kepada wang, walaupun ia mempunyai nilai wang. Maksud **tidak boleh ditukar kepada wang** adalah apabila manfaat itu diberikan kepada pekerja, ianya tidak boleh dijual, diserahkan hak atau ditukarkan dengan wang tunai sama ada disebabkan kontrak penggajian yang ditandatangani atau kerana jenis manfaat yang disediakan itu sendiri.

5.3 Semua MBB yang diterima oleh pekerja dikenakan cukai. Walau bagaimanapun manfaat-manfaat yang diterangkan di perenggan 9 Ketetapan ini adalah dikecualikan cukai.

5.4 Bagi manfaat tempat kediaman yang disediakan oleh/bagi pihak majikan untuk pekerjanya, manfaat ini tidak tergolong di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967. Sebaliknya, ia akan dikendalikan secara khusus di bawah perenggan 13(1)(c) ACP 1967. Manfaat ini diterangkan secara terperinci di dalam Ketetapan Umum No. 3/2005: Manfaat Tempat Kediaman Yang Disediakan Oleh Majikan Kepada Pekerjanya.

5.5 Begitu juga dengan manfaat yang boleh ditukarkan kepada wang. Ianya merupakan satu perkuisit kepada penggajian pekerja dan dicukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Manfaat ini juga akan diterangkan secara terperinci di dalam Ketetapan Umum No. 2/2013: Perkuisit Daripada Penggajian bertarikh 28 Februari 2013.

6. Penentuan Nilai MBB

6.1 Subseksyen 32(1) ACP 1967 memperuntukkan bahawa nilai MBB yang akan diambil kira sebagai pendapatan kasar penggajian pekerja adalah suatu amaun yang berpatutan dan munasabah mengikut keadaannya. Dua kaedah boleh digunakan bagi menentukan nilai MBB yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya. Kaedah-kaedah itu ialah:

- (a) Kaedah formula, dan
- (b) Kaedah nilai ditetapkan.

6.2 Kaedah Formula

- 6.2.1 Di bawah kaedah ini, setiap manfaat yang disediakan untuk pekerja dikira mengikut formula berikut:

$$\frac{\text{Kos aset yang diperuntukkan sebagai manfaat/kemudahan}}{\text{Purata jangka hayat aset yang ditetapkan}} = \frac{\text{Nilai manfaat}}{\text{setahun}}$$

Kos di sini bermaksud kos sebenar yang dilakukan oleh majikan.

- 6.2.2 Bagi tujuan pemakaian kaedah formula, purata jangka hayat yang ditetapkan bagi pelbagai aset adalah seperti di Lampiran 1.

Contoh 1

Pekerja A diberi kemudahan sebuah peti sejuk. Kos peti sejuk tersebut adalah RM2,000 dan purata jangka hayatnya yang ditetapkan ialah 10 tahun.

Berdasarkan formula di atas, nilai tahunan MBB bagi peti sejuk ialah:

$$\frac{\text{RM2,000}}{10} = \text{RM200}$$

Amaun RM200 ini hendaklah diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja A dan amaun ini hendaklah dilaporkan oleh majikan dalam Borang CP8A (EA) / CP8C (EC) pekerja itu.

- 6.2.3 Purata jangka hayat aset yang ditetapkan seperti di Lampiran 1 hendaklah diguna pakai bagi mana-mana manfaat/kemudahan yang disediakan tanpa mengambil kira sama ada aset yang terlibat adalah lama atau baharu.
- 6.2.4 Nilai MBB berdasarkan kaedah formula yang disediakan kepada pekerja oleh majikan boleh dikurangkan jika MBB itu –
- (a) Disediakan bagi tempoh kurang dari setahun, atau/dan
 - (b) Dikongsi dengan pekerja lain, atau/dan
 - (c) Digunakan bagi tujuan perniagaan majikan.

6.3 Kaedah nilai ditetapkan

- 6.3.1 Sebagai konsesi, kaedah nilai yang ditetapkan boleh digunakan sebagai alternatif bagi menentukan nilai MBB yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya.
- 6.3.2 Jadual-jadual nilai yang ditetapkan bagi manfaat yang biasanya disediakan untuk pekerja adalah seperti di Lampiran 2.
- 6.3.3 Nilai MBB berdasarkan kaedah nilai yang ditetapkan yang disediakan kepada pekerja oleh majikannya boleh dikurangkan jika MBB itu –
- (a) Disediakan bagi tempoh kurang dari setahun, atau/dan
 - (b) Dikongsi dengan pekerja lain.

Di bawah kaedah nilai yang ditetapkan, tiada pengurangan diberi bagi kegunaan perniagaan untuk MBB yang disediakan untuk pekerja.

6.4 Konsisten

Tidak kira kaedah mana yang digunakan dalam menentukan nilai manfaat yang disediakan, asas untuk mengira manfaat (sama ada kaedah formula atau kaedah nilai yang ditetapkan) mestilah digunakan secara konsisten sepanjang tempoh peruntukan manfaat tersebut.

7. Butiran Manfaat Berupa Barangan

7.1 Kereta dan manfaat lain yang berkaitan dengannya

- 7.1.1 Di mana kereta disediakan, manfaat yang akan dicukai adalah kegunaan kereta untuk peribadi serta petrol yang diperuntukkan. Sebuah kereta yang disediakan kepada pekerja dianggap digunakan secara peribadi sekiranya –
- a) Digunakan untuk perjalanan dari rumah ke pejabat dan sebaliknya, dan
 - b) Disimpan di rumah pekerja di mana ia boleh digunakan oleh pekerja atau keluarganya pada bila-bila masa.

Walau bagaimanapun, tol yang dibayar oleh majikan dianggap sebagai termasuk dalam nilai MBB bagi kereta. Kos penyenggaraan seperti servis, pembaikan, cukai jalan tahunan dan premium insurans tahunan tidak dianggap sebagai sebahagian daripada manfaat pekerja.

- 7.1.2 Pengiraan MBB bagi kereta mestilah berasaskan kaedah formula. Di bawah kaedah ini pengurangan sebanyak 20% diberikan, yang dianggap sebagai nilai kereta pada masa ianya dipulangkan kepada majikan oleh pekerja. Oleh itu, formula yang digunakan berhubung dengan MBB bagi kereta tersebut dikira seperti berikut –

$$\frac{\text{Kos kereta}}{8(\text{Purata Jangka Hayat Ditetapkan})} \times 80\% = \text{Nilai tahunan manfaat kereta}$$

Contoh 2

Pekerja A diperuntukkan dengan sebuah kereta Honda City baharu. Manfaat tersebut diperuntukkan kepadanya sepanjang tahun 2004. Kos kereta tersebut ialah RM81,000.

Nilai tahunan MBB berhubung dengan kereta yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja A untuk tahun taksiran 2004 adalah seperti berikut:

$$\frac{81,000}{8} \times 80\% = \text{RM8,100}$$

- 7.1.3 Walau bagaimanapun, sebagai satu konsesi, kaedah nilai ditetapkan boleh diguna pakai. Nilai yang ditetapkan bagi kereta adalah seperti di Lampiran 2. Di bawah kaedah nilai yang ditetapkan, penilaian bagi manfaat akan berasaskan kos kereta semasa kereta tersebut baharu. Layanan ini juga terpakai bagi:

- (a) Kereta terpakai, dan
- (b) Kereta pajak / sewa

Contoh 3

Fakta sama seperti di Contoh 2.

Dengan menggunakan kaedah nilai yang ditetapkan, nilai tahunan MBB bagi kereta yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja A untuk tahun taksiran 2004 adalah RM3,600.

Contoh 4

Pekerja B telah diperuntukkan dengan sebuah kereta terpakai yang dibeli oleh majikannya dengan harga RM120,000. Kos kereta tersebut semasa baharu adalah RM205,000.

Dengan menggunakan kaedah nilai yang ditetapkan, nilai tahunan MBB berhubung dengan kereta yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja B untuk tahun taksiran 2004 adalah RM9,000 dan bukan RM5,000.

Contoh 5

Pekerja C telah diperuntukkan oleh majikannya dengan sebuah kereta baharu yang dipajak daripada sebuah syarikat pajakan. Kos kereta tersebut semasa baharu adalah RM90,000. Majikan telah membayar sewa pajakan sebanyak RM3,000 sebulan selama 48 bulan.

Dengan menggunakan kaedah nilai ditetapkan, nilai tahunan MBB yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja C untuk tahun taksiran 2004 adalah RM3,600. Bayaran untuk sewa pajakan tidak diambilkira.

7.1.4 Di mana pekerja menikmati manfaat kereta dengan petrol percuma, nilai MBB bagi petrol yang akan diambilkira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian bergantung kepada kaedah yang digunakan untuk menilai MBB bagi kereta tersebut. Manfaat petrol percuma yang perlu dilaporkan adalah -

- (a) Nilai sebenar amaun perbelanjaan petrol yang dibelanjakan oleh majikan, atau
- (b) Nilai yang ditetapkan seperti di Lampiran 2 Ketetapan ini - Nilai ditetapkan bagi Kereta dan Manfaat yang berkaitan dengannya.

Contoh 6

Sepanjang tahun 2004, Pekerja D diperuntukkan dengan kereta terpakai berusia 3 tahun yang dibeli oleh majikannya dengan harga RM180,000 bersama dengan kemudahan petrol percuma. Kos kereta tersebut semasa baharu adalah RM206,000. Bil petrol yang dilakukan oleh majikan atas kereta tersebut dalam tahun 2004 adalah RM6,000.

Nilai tahunan MBB berhubung dengan kereta dan petrol yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja D untuk tahun taksiran 2004 dikira seperti berikut:-

Jenis MBB	Berasaskan Kaedah Formula (RM)	Berasaskan Kaedah Nilai Ditetapkan (RM)
Kereta	$\frac{\text{Kos kereta}}{\text{Purata jangka hayat kereta}} \times 80\%$ $= \frac{180,000}{8} \times 80\% = 18,000$	9,000
Petrol	6,000 (nilai sebenar petrol)	2,100

- 7.1.5 Di mana kereta tidak diperuntukkan sepanjang tahun kalendar, nilainya hendaklah dilaraskan sepatutnya mengikut tempoh yang diperuntukkan.

Contoh 7

Pekerja E telah diperuntukkan dengan sebuah kereta baharu berharga RM120,000 bagi tempoh Januari hingga September 2004. Beliau juga diperuntukkan dengan petrol percuma. Kos petrol yang dilakukan oleh majikan untuk tempoh tersebut ke atas kereta adalah RM2,700.

Nilai tahunan MBB berhubung dengan kereta dan petrol yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja E bagi tahun taksiran 2004 dikira seperti berikut:

Jenis MBB	Berasaskan Kaedah Formula (RM)	Berasaskan Kaedah Nilai Ditetapkan (RM)
Kereta	$\frac{120,000}{8} \times 80\% \times \frac{9}{12} = 9,000$	$5,000 \times \frac{9}{12} = 3,750$
Petrol	2,700 (nilai sebenar petrol)	$1,500 \times \frac{9}{12} = 1,125$

- 7.1.6 Di mana kereta dikongsi bersama dengan pekerja lain, nilai MBB berhubung dengan kereta dan petrol akan dikurangkan mengikut kadarnya.

Contoh 8

Dengan menggunakan contoh 7, kereta dikongsi bersama dengan pekerja lain.

Nilai tahunan MBB berhubung dengan kereta dan petrol yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja E untuk tahun taksiran 2004 dikira seperti berikut:

Jenis MBB	Berasaskan Kaedah Formula (RM)	Berasaskan Kaedah Nilai Ditetapkan (RM)
Kereta	$9,000 \times \frac{1}{2} = 4,500$	$3,750 \times \frac{1}{2} = 1,875$
Petrol	$2,700 \times \frac{1}{2} = 1,350$	$1,125 \times \frac{1}{2} = 562.50$

- 7.1.7 Di mana MBB berhubung dengan kereta yang berlainan diperuntukkan kepada seorang pekerja dalam satu tahun kalendar, nilai yang bersesuaian untuk tempoh-tempoh tersebut hendaklah dipastikan di dalam menentukan manfaat tahunan pekerja.

Contoh 9

Pekerja F diperuntukkan sebuah kereta baharu berharga RM120,000 bagi tempoh Januari hingga September 2004. Bagi tempoh Oktober hingga Disember 2004, kemudahan tersebut digantikan dengan sebuah kereta baharu yang lebih besar. Kos kereta baharu tersebut adalah RM180,000. Pekerja F menikmati kemudahan petrol percuma sepanjang tahun. Kos yang telah dilakukan oleh majikan berhubung dengan petrol adalah seperti berikut:

- Kereta lama - RM2,700
- Kereta baharu - RM1,200

Nilai tahunan MBB yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja F untuk tahun taksiran 2004 dikira seperti berikut:

Jenis MBB	Berasaskan Kaedah Formula (RM)	Berasaskan Kaedah Nilai Ditetapkan (RM)
Kereta Jan - Sept 2004 Okt - Dis 2004	120,000 / 8 X 80% X 9/12 = 9,000 180,000/8 X 80% X 3/12 = 4,500	5,000 X 9/12 = 3,750 7,000 X 3/12 = 1,750
Petrol Jan - Sept 2004 Okt - Dis 2004	2,700 x 9/12 = 2,025 1,200 X 3/12 = 300	1,500 X 9/12 = 1,125 1,800 X 3/12 = 450

7.1.8 Di mana kaedah nilai yang ditetapkan diguna pakai untuk menilai MBB berhubung dengan kereta yang diperuntukkan dan di mana usia kereta tersebut melebihi 5 tahun, nilai tahunan MBB berhubung dengan kereta tersebut boleh dikurangkan kepada separuh (1/2) daripada nilai yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, nilai MBB berhubung dengan petrol yang diperuntukkan tidak berubah.

(Nota: Pengurangan tidak terpakai sekiranya nilai MBB berhubung dengan kereta ditentukan mengikut kaedah formula)

Contoh 10

Pekerja G diperuntukkan dengan kemudahan sebuah kereta Volvo berusia 7 tahun beserta kemudahan petrol percuma di sepanjang tahun 2004. Kos kereta Volvo tersebut semasa baharu adalah RM285,000. Majikannya telah membelanjakan RM6,000 untuk petrol berhubung dengan kereta Volvo tersebut.

Nilai tahunan MBB berhubung dengan kereta Volvo dan petrol yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja G dikira seperti berikut:

Jenis MBB	Berasaskan Kaedah Formula (RM)	Berasaskan Kaedah Nilai Ditetapkan (RM)
Kereta	$\frac{285,000}{8} \times 80\% = 28,500$ (tiada hak untuk mengurangkan MBB bagi kereta kepada $\frac{1}{2}$ jika usia kereta yang diperuntukkan melebihi 5 tahun)	15,000 x $\frac{1}{2}$ = 7,500 (nilai MBB berhubung dengan kereta boleh dikurangkan kepada $\frac{1}{2}$ jika usia kereta yang diperuntukkan melebihi 5 tahun)
Petrol	6,000	2,400

- 7.1.9 Walau bagaimanapun, di mana MBB bagi kereta dan manfaat lain yang berkaitan dengannya dinilai mengikut kaedah formula, pengurangan pada nilai bagi manfaat boleh dibuat sekiranya -
- (a) Kereta digunakan sebahagiannya untuk tujuan perniagaan, atau/dan
 - (b) Pekerja perlu membayar sejumlah wang kepada majikan untuk manfaat yang diperuntukkan.
- 7.1.10 Bagi membuktikan tuntutan adalah untuk kegunaan perniagaan, rekod terperinci mesti disimpan oleh pekerja sebagai bukti bagi tujuan penentusahan sekiranya kes diaudit.

Contoh 11

Pekerja J diperuntukkan dengan sebuah kereta berusia enam tahun dengan kemudahan petrol percuma di sepanjang tahun 2004. Kereta dibeli oleh majikan pada harga RM200,000. Jumlah perbatuan kereta tersebut dalam tahun 2004 adalah 36,000 km yang mana 12,000 km adalah berhubung dengan kegunaan peribadi Pekerja J. Majikan telah membelanjakan RM8,400 untuk petrol ke atas kereta tersebut. Pekerja J dikehendaki membayar RM1,200 kepada majikannya bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan petrol tersebut. Harga kereta tersebut semasa baharu adalah RM280,000.

Nilai tahunan MBB yang boleh dicukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian Pekerja J untuk tahun taksiran 2004 dikira seperti berikut:

Jenis MBB	Berasaskan Kaedah Formula (RM)	Berasaskan Kaedah Nilai Ditetapkan (RM)
Kereta	Langkah : (i) $200,000/8 \times 80\% = 20,000$ (ii) $20,000 \times 12,000/36000 = 6,667$ Nilai yang diambil kira sebagai pendapatan kasar punca penggajian adalah RM6,667 (Tiada pengurangan nilai kepada $\frac{1}{2}$ daripada nilai ditetapkan walaupun	$15,000 \times \frac{1}{2} = 7,500$ Nilai yang diambil kira sebagai pendapatan kasar punca penggajian adalah RM7,500 (Nilai bagi kereta dikurangkan kepada

	usia kereta > 5 tahun. Walau bagaimanapun, pengurangan dibenarkan untuk kegunaan perniagaan)	½ daripada nilai yang ditetapkan kerana usia kereta > 5 tahun)
Petrol	Langkah : (i) $8,400 \times 12,000 / 36,000 = 2,800$ (ii) $2,800 - 1,200 = 1,600$ Nilai yang diambil kira sebagai pendapatan kasar punca penggajian ialah RM1,600. (Pengurangan/potongan boleh dibenarkan berkaitan: (i) Manfaat bagi kegunaan perniagaan, dan (ii) Perbelanjaan dibayar oleh pekerja)	2,400 Nilai yang diambil kira sebagai pendapatan kasar punca penggajian adalah RM2,400. (Tiada pengurangan bagi kegunaan perniagaan atau bayaran dibuat oleh pekerja)

7.1.11 Dalam semua keadaan, di mana kemudahan kereta dan/atau petrol diperuntukkan kepada pekerja, majikan mestilah melaporkan dalam Penyata Saraan Tahunan setiap pekerja tersebut jenis, tahun buatan dan model kereta yang diperuntukkan.

7.1.12 Penerangan lanjut berkenaan pengecualian cukai ke atas manfaat petrol percuma adalah diterangkan dalam perenggan 9.2.12.

7.2 Petrol diperuntukkan tanpa kereta

Manfaat yang dicukai ialah jumlah nilai sebenar petrol yang diperuntukkan kepada pekerja.

7.3 Pemandu diperuntukkan

Di mana pemandu diperuntukkan, nilai manfaat yang diambilkira sebagai pendapatan kasar penggajian ialah pada kadar tetap RM600 sebulan. Dalam kes di mana pemandu diperuntukkan bukan khusus untuk mana-mana pekerja tertentu tetapi pemandu tersebut adalah dari sekumpulan pemandu "pool" yang diperuntukkan oleh majikan hanya bagi tujuan perniagaan, tiada nilai manfaat akan dikenakan ke atas pekerja tersebut.

7.4 Kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan

- 7.4.1 Kaedah formula seperti yang dinyatakan di perenggan 6.2 digunakan untuk menentukan nilai mana-mana MBB yang berkaitan dengan kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan yang diperuntukkan kepada pekerja oleh majikannya. Sebagai satu konsesi, kaedah nilai yang ditetapkan boleh diguna pakai. Jika perkiraan nilai MBB berasaskan kaedah nilai ditetapkan dipilih, tiada potongan yang akan diberikan terhadap mana-mana perbelanjaan yang dibuat oleh pekerja untuk menikmati kemudahan ini. Nilai yang ditetapkan berkaitan manfaat-manfaat ini dinyatakan di Lampiran 2 di bawah tajuk Nilai yang ditetapkan bagi kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan.
- 7.4.2 Nilai manfaat boleh dilaraskan dengan merujuk kepada sama ada salah satu atau semua jenis kelengkapan di atas diperuntukkan.

Contoh 12

Pekerja K diperuntukkan dengan semua kemudahan yang berkaitan dengan kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan seperti yang dinyatakan di Lampiran 2 kecuali yang terdapat dalam Kategori 1.

Pekerja K akan dicukai atas nilai kemudahan MBB yang berjumlah RM2,520 (RM3,360 - RM840).

- 7.4.3 Nilai manfaat boleh juga dilaraskan dengan merujuk kepada tempoh kemudahan tersebut diperuntukkan.

Contoh 13

Pekerja Z diperuntukkan dengan semua kemudahan seperti yang dinyatakan dalam Kategori 1 mulai dari 1.4.2004.

Nilai MBB berhubung dengan kelengkapan rumah, perkakas dan perlengkapan untuk tahun taksiran 2004 adalah RM630 (RM840 x 9/12).

- 7.4.4 Pelarasan juga boleh dibuat ke atas nilai MBB jika kelengkapan/perkakas/perlengkapan dikongsi bersama dengan pekerja lain.

Contoh 14

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13 dan Pekerja Z dikehendaki berkongsi manfaat yang diperuntukkan kepadanya bersama pekerja lain.

Nilai MBB bagi kemudahan-kemudahan untuk tahun taksiran 2004 adalah RM315 (RM630 X ½) .

7.4.5 Kipas angin dan pemanas air tidak diambil kira kerana kelengkapan tersebut dianggap sebagai sebahagian daripada premis kediaman.

7.5 Aset-aset lain

Aset-aset lain yang disediakan kepada pekerja untuk keraian, rekreasi atau untuk tujuan lain seperti piano, organ, televisyen, set stereo, kolam renang dan lain-lain akan dikira sebagai manfaat tambahan dan mesti dicukai secara berasingan berasaskan formula.

8. Manfaat-Manfaat Lain

8.1 Nilai yang ditetapkan bagi manfaat-manfaat lain disenaraikan di Lampiran 2 di bawah tajuk : Nilai yang ditetapkan untuk manfaat lain.

8.2 Manfaat lain yang tidak disenaraikan hendaklah dinilai mengikut formula:

$$\frac{\text{Kos aset yang mendatangkan manfaat}}{\text{Purata jangka hayat aset yang ditetapkan}} = \text{Nilai tahunan manfaat}$$

9. Pengecualian Cukai Ke Atas MBB Yang Diterima Oleh Pekerja

9.1 MBB yang diterima oleh pekerja berhubung dengan penggajiannya dikenakan cukai sebagai sebahagian pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967.

9.2 Walau bagaimanapun, terdapat MBB tertentu yang dikecualikan cukai atau dianggap sebagai tidak dikenakan cukai iaitu :

9.2.1 Manfaat pergigian

9.2.2 Manfaat penjagaan anak.

Pusat jagaan kanak-kanak disediakan oleh majikan untuk anak-anak pekerja mereka.

9.2.3 Makanan dan minuman disediakan dengan percuma.

9.2.4 Pengangkutan percuma dari perhentian tertentu atau rumah ke tempat kerja (pergi/balik).

-
- 9.2.5 Premium insurans yang wajib dibayar untuk pekerja-pekerja asing sebagai gantian kepada sumbangan PERKESO.
- 9.2.6 Premium insurans berkelompok untuk melindungi pekerja-pekerja sekiranya berlaku kemalangan.
- 9.2.7 Manfaat yang terdiri daripada –
- (a) Tambang percutian dalam Malaysia yang tidak melebihi 3 kali dalam satu tahun kalendar, atau
 - (b) Tambang percutian ke luar Malaysia yang tidak melebihi sekali dalam mana-mana tahun kalendar, terhad kepada amaun maksimum RM3,000.
- Pengecualian ke atas manfaat ini hanya terpakai jika ia diperuntukkan kepada pekerja dan ahli keluarganya yang terdekat.
- 9.2.8 Manfaat yang digunakan oleh pekerja semata-mata untuk menjalankan tugas-tugasnya.
- 9.2.9 Harga diskaun bagi produk-produk perniagaan majikan yang boleh digunakan dan harga diskaun bagi perkhidmatan yang disediakan oleh majikan.
- 9.2.9.1 Harga diskaun bagi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan tidak dikenakan cukai sekiranya -
- (a) Tidak boleh ditukar kepada wang oleh pekerja walaupun ianya mempunyai nilai wang. Maksud **tidak boleh ditukar kepada wang** adalah apabila manfaat itu diberikan kepada pekerja, ianya tidak boleh dijual, diserahkan hak atau dipindahkan sama ada disebabkan oleh kontrak penggajian yang ditandatangani atau kerana jenis manfaat yang disediakan
 - (b) Mesti untuk manfaat pekerja dan digunakan oleh pekerja secara peribadi, dan
 - (c) Disediakan kepada pekerja secara umum dan tidak diperuntukkan secara khusus kepada kumpulan pekerja yang tertentu sahaja.

9.2.9.2 Layanan Cukai

- (a) Harga diskaun bagi produk-produk perniagaan majikan yang boleh digunakan

Sebelum Tahun Taksiran 2008

Produk-produk yang boleh digunakan, produk-produk majikan, yang mana nilainya adalah RM200 atau kurang adalah dikecualikan cukai. Jika nilai tersebut melebihi RM200, kesemua nilai tersebut akan dikenakan cukai.

Mulai Tahun Taksiran 2008

- (i) Nilai diskaun ke atas produk akan dikecualikan sehingga maksima RM1,000. Sekiranya nilai diskaun melebihi RM1,000, hanya amaun yang melebihi RM1,000 akan dikenakan cukai. Barangan boleh diberikan kepada pekerja sama ada secara percuma (diskaun penuh) atau pada harga separuh. Nilai barangan adalah berdasarkan harga jualan.
- (ii) Barangan yang merupakan produk-produk perniagaan majikan yang boleh digunakan termasuk barangan yang dikeluarkan oleh majikan atau barangan yang merupakan stok dagangan majikan.

Contoh 15

Pro Mesra Sdn Bhd yang menjual barangan dandanannya memberi secara percuma kepada setiap pekerjanya barangan dandanannya yang bernilai RM1,200 dalam tahun 2008. Dalam tahun 2009 pekerjanya diberikan barangan dandanannya pada harga diskaun. Nilai diskaun yang diberikan kepada setiap pekerja adalah RM700.

Pekerja-pekerja tersebut dikecualikan cukai atas amaun diskaun barangan yang diterima sehingga RM1,000 manakala lebihan RM200 akan dikenakan cukai dalam tahun taksiran 2008.

Dalam tahun taksiran 2009 pekerja-pekerja tersebut dikecualikan cukai atas amaun diskaun yang diterima berjumlah RM700.

- (b) Harga diskaun bagi perkhidmatan yang disediakan oleh majikan

Sebelum Tahun Taksiran 2008

Perkhidmatan yang nilainya adalah RM200 atau kurang dikecualikan cukai. Jika nilai perkhidmatan melebihi RM200, kesemua nilai tersebut akan dikenakan cukai.

Mulai Tahun Taksiran 2008

Harga diskaun bagi perkhidmatan yang disediakan oleh majikan bagi manfaat pekerja adalah dikecualikan cukai sepenuhnya.

Contoh 16

Seorang doktor gigi yang mengendalikan klinik pergigian persendirian memberi rawatan pergigian percuma kepada pembantunya dalam tahun 2008. Bayaran biasa yang dikenakan untuk rawatan pergigian adalah RM100.

Pembantunya dikecualikan cukai atas nilai diskaun bagi perkhidmatan yang diterima iaitu sejumlah RM100 daripada majikannya dalam tahun taksiran 2008.

Contoh 17

Sebuah bank memberikan perkhidmatan rundingan pelaburan secara percuma kepada pekerjaanya dalam tahun 2008. Bank tersebut juga memberikan diskaun kepada pekerjaanya bagi pembelian produk pelaburan yang baharu dilancarkan.

Pekerja-pekerja tersebut layak mendapat pengecualian cukai atas nilai diskaun bagi perkhidmatan rundingan pelaburan yang diterima daripada majikan. Walau bagaimanapun pekerja-pekerja tersebut akan dikenakan cukai atas nilai diskaun bagi produk pelaburan yang diterima daripada majikan kerana produk tersebut tidak terjatuh di bawah maksud perkhidmatan yang disediakan oleh majikan.

-
- (c) Hanya manfaat yang diterima oleh pekerja daripada majikan, sama ada dalam bentuk produk perniagaan yang boleh diguna atau perkhidmatan sahaja dikecualikan cukai.

Manfaat yang diterima oleh pekerja daripada syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama dengan majikannya adalah tidak dikecualikan cukai. Bagi tujuan ini, suatu syarikat induk dan kesemua syarikat subsidiarinya merupakan syarikat dalam kumpulan yang sama tanpa mengambil kira sama ada syarikat adalah di Malaysia atau di luar Malaysia.

Contoh 18

Michael dan Wong adalah pekerja Food Manufacturing Sdn Bhd yang mengeluarkan biskut. Michael menerima biskut percuma yang dikeluarkan oleh majikannya bernilai RM500 dalam tahun 2008. Manakala Wong menerima kek yang dikeluarkan oleh Confectionery Sdn Bhd bernilai RM500 dalam tahun 2008. Confectionery Sdn Bhd merupakan syarikat berkaitan dengan Food Manufacturing Sdn Bhd.

Michael dikecualikan cukai sepenuhnya atas nilai diskaun barangan yang diterima dalam tahun taksiran 2008 tetapi Wong tidak layak mendapat pengecualian dalam tahun taksiran 2008 kerana barangan tersebut bukan merupakan produk majikannya.

- (d) Manfaat-manfaat yang disediakan untuk pasangan atau anak-anak pekerja yang belum berkahwin (anak-anak yang mana pekerja layak menuntut pelepasan di bawah seksyen 48, ACP 1967), keluarga, orang gaji, tanggungan atau tetamu pekerja dianggap sebagai manfaat kepada pekerja.

9.2.10 Kemudahan dan bil bulanan telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, pembantu digital peribadi (PDA) dan langganan jalur lebar

9.2.10.1 Layanan cukai

Sebelum Tahun Taksiran 2008

- (a) Telefon (termasuk telefon mudah alih) yang diperuntukkan kepada pekerja oleh majikan, manfaatnya boleh dikategorikan seperti berikut:
- (i) Penggunaan peribadi bagi perkakasan, dan
 - (ii) Bil kegunaan peribadi pekerja yang dibayar oleh majikan
- (b) MBB berhubung dengan penggunaan peribadi bagi telefon boleh dikira sama ada dengan menggunakan kaedah formula atau kaedah nilai yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah-kaedah tersebut perlulah konsisten untuk sepanjang tempoh manfaat diperuntukkan.
- (c) Di mana kaedah nilai ditetapkan digunakan, nilai MBB berhubung dengan manfaat tersebut adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 2 di bawah tajuk : Nilai Yang Ditetapkan Untuk Manfaat Lain.
- (d) Di mana kaedah formula digunakan untuk menilai MBB berhubung dengan penggunaan peribadi bagi telefon, pengiraan nilai manfaat adalah seperti berikut:
- Berhubung dengan manfaat perkakasan :
$$\frac{\text{Kos aset (telefon)}}{\text{Purata jangka hayat aset yang dinilai}} = \text{Nilai tahunan manfaat}$$
 - Berhubung dengan penggunaan peribadi bagi bil telefon :

Kos sebenar penggunaan peribadi pekerja bagi bil yang dibayar oleh majikan.

Mulai Tahun Taksiran 2008

- a) Manfaat-manfaat yang diterima oleh pekerja dalam bentuk telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau PDA yang didaftarkan atas nama majikan adalah dikecualikan cukai sepenuhnya. Amaun yang dikecualikan adalah termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan. Pengecualian yang diberikan adalah terhad kepada satu unit bagi setiap aset.
- b) Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA atau langganan jalur lebar adalah dikecualikan cukai sepenuhnya. Amaun yang dikecualikan termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan.

9.2.11 Perubatan moden, tradisional dan materniti

Sebelum Tahun Taksiran 2008

Manfaat-manfaat yang diterima untuk rawatan perubatan adalah dikecualikan cukai. Walau bagaimanapun, rawatan perubatan adalah terhad kepada rawatan penyakit oleh doktor perubatan yang diperakukan yang mengamalkan perubatan moden.

Mulai Tahun Taksiran 2008

- a) Manfaat rawatan perubatan yang dikecualikan cukai diperluaskan kepada perubatan tradisional dan materniti. Perubatan tradisional bermaksud Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina atau Perubatan Tradisional India. Contoh bagi perubatan tersebut adalah urutan tradisional melayu, ayurvedic atau akupunktur.
- b) Perubatan tradisional boleh didefinisikan sebagai amalan, pendekatan, pengetahuan dan kepercayaan terhadap kesihatan yang melibatkan tumbuh-tumbuhan, ubat-ubatan berasaskan haiwan dan/atau mineral, terapi-terapi spiritual, teknik-teknik manual dan senaman yang diaplikasikan secara khusus atau gabungan bagi mengekalkan kesihatan, juga untuk tujuan merawat, mendiagnosis serta mencegah penyakit.

-
- c) Perubatan tradisional yang layak mendapat pengecualian adalah rawatan yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan badan yang diperakui atau didaftarkan mengikut peraturan, yang mengawal perubatan tradisional seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Beberapa badan yang layak mendapat pengecualian adalah seperti di bawah :
- (i) Rawatan Tradisional Melayu
Persatuan Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (PUTRAMAS)
 - (ii) Rawatan Tradisional India
Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM)
 - (iii) Rawatan Tradisional Cina
 - Federation of Chinese Physicians and Chinese Dealers Associations of Malaysia (FCPMDM)
 - Federation of Chinese Physicians & Acupuncturists Associations of Malaysia (FCPAAM)
 - Chinese Physician's Associations of Malaysia (MCPA)
- d) Perubatan komplementari dan homeopati tidak termasuk dalam pengecualian di atas. Beberapa contoh bagi rawatan kontemporari adalah aromaterapi, refleksologi, spa dan urutan tradisional Thai.
- e) Perbelanjaan materniti yang layak mendapat pengecualian adalah bagi rawatan yang berkaitan dengan kehamilan atau kelahiran anak. Rawatan hendaklah diberikan oleh:
- Doktor perubatan yang diperakui yang mengamalkan perubatan moden, atau
 - Pengamal perubatan tradisional yang berdaftar dengan badan yang diperakui atau didaftarkan mengikut peraturan, yang mengawal perubatan tradisional seperti ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

9.2.12 Kemudahan petrol percuma

- a) Manfaat petrol percuma, sama ada dalam bentuk kad petrol yang diberikan oleh majikan atau bil petrol yang dibayar oleh majikan, merupakan MBB yang diterima oleh pekerja berhubung dengan penggajiannya. Manfaat yang dikenakan cukai adalah jumlah nilai petrol yang diberikan kepada pekerja dan dikenakan cukai sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar penggajian di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967.
- b) Perenggan 7.1.4 di dalam Ketetapan ini menyatakan sekiranya pekerja menikmati manfaat kereta dengan petrol percuma, nilai manfaat petrol yang diambil kira sebagai sebahagian daripada pendapatan kasar punca penggajian adalah bergantung kepada kaedah yang digunakan untuk menilai manfaat bagi kereta tersebut. Manfaat petrol percuma yang perlu dilaporkan adalah :
 - (i) Nilai sebenar amaun perbelanjaan petrol yang dilakukan oleh majikan, atau
 - (ii) Nilai yang ditetapkan seperti di Lampiran 2 di dalam Ketetapan ini.
- c) Pengecualian cukai ke atas manfaat petrol

Sebelum Tahun Taksiran 2008

Pekerja yang melaporkan manfaat petrol mengikut nilai yang ditetapkan untuk petrol seperti di Lampiran 2 hanya dikenakan cukai atas amaun yang lebih rendah dibandingkan dengan penggunaan persendirian sebenar. Oleh itu pengecualian ke atas penggunaan persendirian bagi petrol telah pun dinikmati oleh pekerja.

Contoh 19

Simon diperuntukkan dengan kereta terpakai berusia 3 tahun yang dibeli oleh majikannya dengan harga RM180,000 bersama dengan kemudahan petrol percuma. Kos kereta tersebut semasa baharu berharga RM206,000. Bil petrol yang dibayar oleh majikan dalam tahun 2007 berhubung dengan kereta tersebut adalah sebanyak RM8,900.

Nilai tahunan MBB bagi kereta dan petrol untuk tahun taksiran 2007 dikira seperti berikut-

Jenis MBB	Berasaskan Kaedah Formula (RM)	Berasaskan Kaedah Nilai Ditetapkan (RM)
Kereta	$\frac{180,000}{8} \times 80\% = 18,000$	9,000
Petrol	8,900 (nilai sebenar petrol)	2,100

Jika Simon memilih untuk melaporkan manfaat petrol percuma berdasarkan kaedah nilai ditetapkan, Simon hanya dikenakan cukai atas RM2,100 berbanding penggunaan sebenar beliau sebanyak RM8,900.

Mulai Tahun Taksiran 2008

Pekerja diberi pilihan untuk -

- (i) Menentukan amaun petrol percuma yang dikenakan cukai mengikut nilai yang ditetapkan untuk petrol seperti di Lampiran 2 dalam Ketetapan ini tanpa pengecualian diberikan, atau
- (ii) Mendapat pengecualian bagi amaun petrol yang digunakan seperti berikut:

Sekiranya majikan dapat menentukan amaun nilai petrol yang diberikan kepada pekerja untuk perjalanan antara rumah dan tempat kerja dan/atau amaun nilai petrol yang diberikan kepada pekerja untuk perjalanan bagi melaksanakan pekerjaan, amaun manfaat petrol percuma yang dikecualikan adalah terhad kepada :

- RM2,400 setahun bagi perjalanan dari rumah ke tempat kerja dan dari tempat kerja ke rumah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2010, dan
- RM6,000 setahun bagi perjalanan melaksanakan pekerjaan. Walau bagaimanapun sekiranya pekerja menerima manfaat petrol percuma melebihi RM6,000 bagi melaksanakan pekerjaannya, tuntutan potongan bagi kegunaan rasmi boleh dibuat sendiri oleh pekerja dalam mengira pendapatan daripada penggajian. Rekod berkaitan

amaun yang dikecualikan dan tuntutan bagi kegunaan rasmi hendaklah disimpan untuk tempoh 7 tahun bagi tujuan audit.

Sekiranya majikan tidak dapat menentukan amaun nilai petrol yang diberikan kepada pekerja untuk perjalanan antara rumah dan tempat kerja dan/atau amaun nilai petrol yang diberikan kepada pekerja untuk perjalanan bagi melaksanakan pekerjaan, amaun manfaat petrol percuma yang dikecualikan adalah terhad kepada maksimum RM6,000.

Contoh 20

Berdasarkan kepada Contoh 19, sekiranya kereta dan petrol diperuntukkan oleh majikan dalam tahun 2008, Simon diberi pilihan untuk melaporkan nilai manfaat petrol seperti berikut –

- Dikenakan cukai atas RM2,100 iaitu nilai yang ditetapkan untuk petrol seperti di Lampiran 2 dalam Ketetapan ini, atau
- Sekiranya majikan Simon dapat menentukan nilai sebenar petrol yang digunakan bagi perjalanan dari rumah ke tempat kerja dan dari tempat kerja ke rumah atau bagi melaksanakan pekerjaannya, maka amaun manfaat petrol percuma yang dikecualikan adalah terhad kepada:
 - RM2,400 bagi perjalanan dari rumah ke tempat kerja dan dari tempat kerja ke rumah, dan
 - RM6,000 bagi perjalanan melaksanakan pekerjaannya.

Sekiranya Simon menyimpan rekod lengkap berhubung dengan perjalanan bagi melaksanakan pekerjaannya, maka beliau layak menuntut amaun sebenar yang dibelanjakan sebagai potongan dalam mengira pendapatan daripada penggajinya. Sekiranya majikan Simon tidak dapat menentukan nilai sebenar petrol yang diberikan kepadanya untuk perjalanan antara rumah dan tempat kerja dan/atau amaun nilai

petrol yang diberikan untuk perjalanan bagi melaksanakan pekerjaannya, amaun manfaat petrol percuma yang dikecualikan adalah terhad kepada RM6,000.

Oleh itu, manfaat petrol yang dikenakan cukai adalah RM2,900.

- (iii) Pengecualian tidak terpakai ke atas manfaat kereta. Oleh itu nilai manfaat kereta yang dikenakan cukai ditentukan berdasarkan kaedah formula atau kaedah nilai yang ditetapkan bagi kereta iaitu seperti di Lampiran 2 dalam Ketetapan ini.

Contoh 21

Berdasarkan kepada Contoh 19, sekiranya kereta dan petrol diperuntukkan oleh majikan dalam tahun 2008, nilai manfaat bagi kereta yang dikenakan cukai adalah:

- RM18,000 berdasarkan kaedah formula.
- RM9,000 berdasarkan kaedah nilai ditetapkan.

9.3 Ketidapkakaian

9.3.1 Pengecualian cukai tidak terpakai jika pekerja yang menerima MBB daripada majikan mempunyai kawalan ke atas majikannya. Oleh itu, MBB yang diterima oleh pengarah atau pekerja itu merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar penggajian dan dikenakan cukai di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967.

9.3.2 Bagi tujuan Ketetapan ini, kawalan ke atas majikan bermaksud :

9.3.2.1 Bagi suatu syarikat, kuasa bagi seseorang pekerja untuk mengawal adalah melalui pemegangan saham atau pemilikan kuasa mengundi dalam atau berkenaan syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, atau atas sebab apa-apa kuasa yang diberikan melalui perkara-perkara persatuan atau apa-apa dokumen lain yang mengawal selia syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, bahawa urusan syarikat yang pertama disebut itu dijalankan menurut kehendak pekerja itu.

9.3.2.2 Bagi suatu perkongsian, pekerja itu merupakan rakan kongsi majikan itu, atau

9.3.2.3 Bagi pemilik tunggal, pekerja dan majikan itu adalah orang yang sama.

10. Tanggungjawab Majikan

- 10.1 Selaras dengan subseksyen 83(1) ACP 1967, majikan dikehendaki melaporkan dalam Penyata Tahunan Saraan Pekerja (Borang EA atau EC) dan Borang E untuk Majikan, semua pembayaran berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja termasuk semua MBB. Ini termasuk manfaat yang diberikan untuk pasangan, keluarga, orang gaji, tanggungan atau tetamu pekerja. Kegagalan majikan di dalam mematuhi subseksyen ini akan menyebabkan majikan boleh diambil tindakan pendakwaan di bawah subseksyen 120(1) ACP 1967.
- 10.2 Bersesuaian dengan seksyen 82 ACP 1967, majikan juga dikehendaki menyimpan rekod dan resit berhubung dengan segala tuntutan bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas pekerja. Rekod dan resit ini hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun dari akhir tahun taksiran yang mana Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dikemukakan supaya ia dapat dijadikan bukti kesahihan tuntutan apabila majikan diaudit. Kegagalan majikan mematuhi seksyen ini akan menyebabkan majikan tindakan pendakwaan di bawah seksyen 119A ACP 1967.
- 10.3 Majikan bertanggung jawab untuk menyediakan senarai semua MBB yang diterima dan dikecualikan cukai oleh setiap pekerja dalam Penyata Gaji Pekerja masing-masing bagi setiap tahun taksiran.

11. Tanggungjawab Pekerja

- 11.1 Selaras dengan subseksyen 77(1) ACP 1967, pekerja dikehendaki melaporkan dalam BNCP BE atau B (yang mana berkenaan) semua balasan yang diterima berhubung dengan mempunyai atau menjalankan penggajian termasuk semua jenis MBB yang diterima daripada majikan atau pihak ketiga. Ini termasuk juga manfaat yang diterima untuk pasangan, keluarga, orang gaji, tanggungan atau tetamu pekerja. Kegagalan pekerja mematuhi seksyen ini akan menyebabkan pekerja dikenakan tindakan pendakwaan atau dikenakan penalti di bawah seksyen 112 ACP 1967. Di mana pekerja kurang melaporkan pendapatan, beliau akan dikenakan tindakan pendakwaan atau dikenakan penalti di bawah seksyen 113 ACP 1967.

- 11.2 Bersesuaian dengan seksyen 82A ACP 1967, pekerja dikehendaki menyimpan dokumen berhubung dengan segala penerimaan berkaitan dengan mempunyai atau menjalankan penggajian daripada majikan atau pihak ketiga termasuk MBB. Dokumen ini hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun dari akhir tahun taksiran yang mana BNCP dikemukakan untuk tujuan pengesahan apabila kes diaudit.

12. Tuntutan Potongan

12.1 Tuntutan potongan oleh majikan

Perbelanjaan modal yang dilakukan oleh majikan bagi menyediakan MBB kepada pekerja adalah layak untuk elaun modal dan elaun bangunan industri [perenggan 42A(2)] di bawah Jadual 3 ACP 1967 melainkan perbelanjaan yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Manfaat Dan Pemberian Daripada Majikan Kepada Pekerja) 2009 [P.U.(A) 153/2009], di mana majikan layak mendapat potongan khas di dalam menentukan pendapatan larasan perniagaannya di dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

12.2 Tuntutan potongan oleh pekerja

Tuntutan potongan hanya boleh dibuat bagi kaedah formula. Apa-apa tuntutan potongan bagi kegunaan rasmi untuk sebarang MBB mestilah dibuat oleh pekerja sendiri dalam BNCP. Rekod berkaitan tuntutan mestilah disimpan untuk tempoh tujuh tahun bagi tujuan audit.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LAMPIRAN 1

PURATA JANGKA HAYAT ASET YANG DITETAPKAN BAGI BERBAGAI ASET
YANG DISEDIAKAN KEPADA PEKERJA OLEH MAJIKAN

ASET	PURATA JANGKA HAYAT (TAHUN)
1. Kereta	8
2. Kelengkapan perabot: (i) Kain langsir dan permaidani (ii) Perabot, mesin jahit (iii) Penyaman udara (iv) Peti sejuk	5 15 8 10
3. Perkakas dapur (iaitu pinggan mangkuk, periuk nasi, cerek elektrik, pembakar roti, pembuat kopi, dapur gas, <i>cooker hood</i> , oven, pembasuh pinggan, mesin basuh, pengering kain, alat memproses makanan dll.)	6
4. Hiburan dan rekreasi: (i) Piano (ii) Organ (iii) TV, perakam video, CD/ DVD <i>player</i> , set stereo (iv) Kolam renang (yang boleh dipisahkan), sauna	20 10 7 15
5. Pelbagai	5

LAMPIRAN 2

**NILAI YANG DITETAPKAN BAGI MANFAAT YANG BIASANYA DISEDIAKAN KEPADA
PEKERJA OLEH MAJIKAN**

**1. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK KERETA DAN MANFAAT LAIN YANG
BERKAITAN DENGANNYA**

Kos Kereta (Baharu) RM	Manfaat Setahun Yang Ditetapkan Untuk Kereta RM	Manfaat Setahun Yang Ditetapkan Untuk Petrol RM
Sehingga 50,000	1,200	600
50,001-75,000	2,400	900
75,001-100,000	3,600	1,200
100,001-150,000	5,000	1,500
150,001-200,000	7,000	1,800
200,001-250,000	9,000	2,100
250,001-350,000	15,000	2,400
350,001-500,000	21,250	2,700
500,001 dan ke atas	25,000	3,000

**2. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK KELENGKAPAN RUMAH, PERKAKAS DAN
PERLENGKAPAN**

KATEGORI	JENIS MANFAAT	NILAI MBB YANG DITETAPKAN SETAHUN (RM)
1	Separuh lengkap dengan perabot di ruang tamu, bilik makan dan bilik tidur	840
2	Separuh lengkap dengan perabot seperti dalam Ruang 1 di atas dan satu atau lebih kelengkapan berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ penyaman udara ▪ kain langsir dan seumpamanya ▪ permaidani 	1,680
3	Lengkap sepenuhnya seperti dalam Ruang 1 and 2 di atas serta satu atau lebih daripada perkakas dapur atau pinggan mangkuk atau peralatan dan perkakas-perkakas	3,360
4	Kemudahan bayaran perkhidmatan dan bil-bil lain seperti air dan elektrik.	Nilai perkhidmatan dan bil-bil lain yang dibayar oleh majikan.

LAMPIRAN 2 (Sambungan)

3. NILAI YANG DITETAPKAN UNTUK MANFAAT LAIN

BUTIRAN	JENIS MANFAAT		NILAI MBB SETAHUN
1	Telefon (termasuk telefon mudah alih)	a) Sebelum tahun taksiran 2008	a) Perkakasan: RM300 bagi setiap telefon b) Manfaat bil – (i) Telefon dilanggan dan dibayar oleh majikan : <ul style="list-style-type: none"> ✓ Manfaat dikenakan cukai di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967. ✓ Nilai manfaat RM300 bagi setiap telefon, atau ✓ Jika kaedah formula digunakan nilai manfaat adalah amaun sebenar panggilan peribadi yang dibayar oleh majikan. (ii) Telefon dilanggan oleh pekerja dan dibayar oleh majikan : <ul style="list-style-type: none"> ✓ Manfaat dikenakan cukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1867. ✓ Nilai manfaat adalah amaun yang tercatat dalam bil yang dibayar oleh majikan.
		b) Mulai tahun taksiran 2008	(i) Perkakasan- Pengecualian cukai sepenuhnya. (ii) Manfaat bil – Pengecualian cukai sepenuhnya

2	Tukang kebun		RM3,600 bagi seorang tukang kebun
3	Pembantu rumah		RM4,800 bagi seorang pembantu rumah
4	Keahlian dalam kelab rekreasi	<p>a) Keahlian Individu- Yuran keahlian yang dibayar atau dibayar ganti oleh majikan</p>	<p>Layanan cukai ke atas manfaat yang diterima oleh pekerja adalah seperti berikut-</p> <p>(i) Fi termasuk sebagai keahlian kelab - dicukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967</p> <p>(ii) Yuran keahlian bulanan / tahunan sebagai keahlian kelab - dicukai di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967</p> <p>(iii) Keahlian berpenggal (term membership) - dicukai atas bayaran yang dibuat di bawah perenggan 13(1)(a) ACP 1967.</p>
		<p>b) Keahlian korporat- Yuran keahlian dibayar oleh majikan</p>	<p>Layanan cukai ke atas manfaat yang diterima adalah seperti berikut –</p> <p>(i) Fi termasuk - tidak dikenakan cukai</p> <p>(ii) Yuran keahlian bulanan/ tahunan sebagai keahlian kelab bagi pekerja - dicukai atas nilai yang ditetapkan di bawah perenggan 13(1)(b) ACP 1967.</p>